



Siaran Akhbar

AKTIVITI *OUTREACH* AMBD (2)

Hari Rabu, 27 Safar 1439 bersamaan dengan 16 November 2017

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, telah mengadakan aktiviti *outreach* di Dewan Belalong, Tutong pada hari Rabu, 27 Safar 1439 bersamaan dengan 16 November 2017.
2. Activity ini diadakan sebagai kesinambungan kepada Majlis Pengedaran Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 dengan Denominasi 50 Sen kepada Para Penuntut Sekolah-Sekolah Pra, Rendah, Menengah dan Pusat-Pusat Tingkatan Enam di Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Isnin, 24 Safar 1439H bersamaan dengan 13hb November 2017M sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.
3. Tetamu Kehormat pada aktiviti *outreach* tersebut ialah Yang Mulia Rina Hayane Hj Sumardi, Pemangku Penolong Pengarah Eksekutif, AMBD. Turut hadir pada aktiviti tersebut ialah pegawai-pegawai kanan daripada AMBD.
4. Tujuan aktiviti *outreach* ini adalah untuk memberi gakan dan mengenalkan kepada penuntut-penuntut mengenai duit syiling dalam edaran siri ke-5 yang telah dikeluarkan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Menaiki Takhta. Di samping itu, *aktiviti outreach* ini juga diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung, berdikari dari segi kewangan (*financial independence*) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan.
5. Hadir pada acara tersebut adalah pelajar-pelajar dari sepuluh buah sekolah di Temburong. Pelajar-pelajar tersebut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengenalan matawang dan pengurusan kewangan.
6. “Permainan-permainan hari ini adalah sangat seronok dan kami sangat gembira kerana AMBD datang ke sini,” kata Mohd Khairul Hadie bin Mohd Haddi, seorang penuntut yang hadir.
7. Aktiviti *outreach* ini adalah merupakan *outreach* ketiga daripada siri aktiviti *outreach* dan akan terus diadakan di Daerah Belait pada 20 November 2017.

8. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti *outreach* ini, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn, atau memuat turun AMBD App dari ‘App Store’ atau ‘Google Playstore’; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 27 Safar 1439H/ 16 November 2017M